

Selasa, 14 April 2020 | 11:10am



## Skim Harga Maksimum dilaksana walaupun permintaan barang menurun

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUALA LUMPUR : Tidak semua 25 barang yang diletakkan di bawah Skim Harga Maksimum (SHM) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menghadapi masalah permintaan melebihi bekalan sehingga menyebabkan harganya naik mendadak.

Justeru, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata pemantauan di bawah skim itu hanya dilakukan terhadap barang tertentu yang mendapat permintaan tinggi.

Memberi contoh ayam, beliau berkata ketika ini permintaan bekalan makanan itu sebenarnya menurun walaupun perjualan di pasaraya dan kedai runcit menyaksikan peningkatan belian.

"Sekarang kita dimaklumkan oleh pembekal ayam mereka mengatakan permintaan turun. Mengapa turun? Sebab restoran, kedai makan dan hotel tidak memerlukan banyak ayam. Jadi, permintaan ayam turun.

"Apabila turun, ia tidak ada masalah permintaan berlebihan daripada bekalan yang mungkin memberi tekanan kepada harga naik mendadak," katanya ketika ditemubual menerusi siaran langsung di RTM, malam tadi.

Beliau berkata, apabila permintaan ayam kurang, pembekal harus memasarkan ayam mereka yang kebiasaananya mula dijual selepas tempoh 30 hari.

"Ayam ini mesti dijual. Sekarang tidak ada permintaan seperti biasa dan ini bukan tekanan (untuk naikkan harga) kepada permintaan yang rendah," katanya.

Kerajaan memutuskan untuk menguatuwa SHM sepanjang tempoh PKP bagi mengelak kenaikan harga terhadap 25 barang yang diletakkan dibawah skim itu.

Selain ayam, barang lain yang diletakkan di bawah SHM termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, biskut, sardin, mi segera, makanan sejuk beku dan sayur-sayuran.

Barang lain, telur, bawang, susu segar, air mineral, milo, kopi, teh, tisu basah, tisu tandas, lampin bayi, lampin dewasa serta panadol.

Beliau berkata, pelaksanaan Skim Harga Maksimum di musim PKP sangat berbeza berbanding skim sama pada musim perayaan yang akan menyaksikan permintaan barang basah seperti ayam, daging dan sayur-sayuran naik mendadak.

Namun, katanya KPDHNEP akan meneruskan pelaksanaannya demi menjamin harga yang berpatutan yang dijual kepada pengguna, di samping langkah awal mengawal perilaku peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan sengaja menaikkan harga barang.

Sepanjang tempoh PKP ini, pengguna dan orang ramai boleh terus memaklumkan kepada penguatuwa KPDHNEP menerusi WhatsApp 019-2794317 jika mengesan mana-mana peniaga sengaja menaikkan harga barang.

Dalam pada itu, Alexander berkata penguatuasanya menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berterusan di semua premis perniagaan sepanjang tempoh PKP bagi memantau harga barang.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/676881/skim-harga-maksimum-dilaksana-walaupun-permintaan-barangan-menurun>